

**Isnin mungkin diisytihar cuti umum di Pulau Pinang**  
**Malaysiakini.com**  
**November 25, 2010**

Kerajaan negeri Pulau Pinang berkemungkinan mengumumkan Isnin ini sebagai cuti umum.

NONETimbangan Ketua Menteri, Datuk Mansor Othman berkata, perkara itu bagi menghormati bekas ketua menteri, Tun Dr Ling Chong Eu yang menghembuskan nafas terakhirnya semalam. Katanya, perkara berkenaan akan diputuskan dalam mesyuarat exco esok sebelum diumumkan kemudiannya.

Sebelum itu, Mansor mengetuai rombongan ADUN PKR bagi memberikan penghormatan terakhir kepada Lim di Tanjung Bungah.

Mayat mendiang Lim akan diberikan penghormatan negara di Dewan Seri Pinang di Georgetown, Pulau Pinang mulai 12 tengah hari esok hingga 12 tengah hari Ahad bagi membolehkan orang ramai memberi penghormatan terakhir.

Ketua menteri kedua Pulau Pinang itu meninggal dunia pada jam 9.07 malam semalam di kediamannya di Tanjung Bungah, Georgetown selepas terlantar selama hampir sebulan di hospital akibat serangan angin ahmar.

NONEMenteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Koh Tsu Koon hari ini berkata Lim akan diberikan pengebumian negara.

Menurutnya lagi, urusan pengebumian akan dibuat oleh unit protokol, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama kerajaan negeri Pulau Pinang dan diselia oleh keluarga mendiang.

Ketua Menteri, Lim Guan Eng pula berkata kerajaan negeri bersetuju pengebumian negara diberikan kepada negarawan ini kerana "sumbangan besarnya".

Kibar bendera separuh tiang

Beliau juga telah mengarahkan semua jabatan kerajaan mengibarkan bendera pada separuh tiang sehingga hari pengebumian sebagai tanda berkabung.

NONE" Saya telah arahkan setiausaha kerajaan negeri Zainal Rahim Seman bagi memohon semua jabatan persekutuan dan sekolah juga mengibarkan bendera Pulau Pinang pada separuh tiang sebagai menghormayai seorang ahli politik gergasi yang telah memacu negeri ini ke era baru."

Sementara itu, di ibu negara, Parliament bertafakur seketika pada 11.35 pagi ini sebagai penghormatan kepada mendiang yang pernah menjadi ahli parlimen Tanjung di Pulau Pinang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149142>

